

# Peningkatan bahasa Inggeris perlu kerjasama semua pihak

» Latihan secukupnya diberikan kepada tenaga pengajar mata pelajaran berkenaan

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

▸ Serdang



**K**eputusan kerajaan menjadikan subjek bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus mulai 2016 memerlukan sokongan semua pihak terutama warga sekolah dan tenaga pengajar bahasa itu di semua peringkat.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching, berkata Kementerian sentiasa memandang tinggi usaha yang dijalankan pelbagai pihak dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sama ada di sekolah mahupun di institut pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, pada peringkat Kementerian sendiri, pelbagai aktiviti menarik disediakan memabitkan dua pendekatan utama iaitu melalui kegiatan kokurikulum dan perancangan aktiviti berkaitan bahasa itu.

“Namun begitu, pelaksanaan pelbagai aktiviti itu tidak dapat dijalankan dengan baik tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak terutama sekolah dan IPT serta sektor swasta,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Per-

“Pelaksanaan pelbagai aktiviti itu tidak dapat dijalankan dengan baik tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak terutama sekolah dan IPT”

Mary Yap Kain Ching  
Timbalan Menteri Pendidikan

sidangan Pembelajaran Bahasa Inggeris (ICELL) 2013 di Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif English Learning Centre Malaysia (ELC), Prof Emeritus Datuk Dr Mohamed Mahyudin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Mohammad Shatar



Sebahagian peserta yang hadir pada Persidangan Anugerah dan Persembahan Bahasa Inggeris di UPM

© 2013 NIK ROS KHAIRI

Sabran dan Penasihat Pendidikan Khazanah Nasional Berhad, Datuk Noor Rezan Bapoo Hashim.

**Latihan secukupnya**

Selain persidangan memabitkan guru dan penyelidik dalam bidang berkaitan, sebuah kelab pembelajaran iaitu ‘The Learning Club’ turut dilancarkan selain penyampaian anugerah ‘The Most Improvement School’ kepada wakil Sekolah Kebangsaan (SK) Lemoi, Cameron

Highlands, Pahang.

Mary berkata, latihan secukupnya akan terus diberikan kepada tenaga pengajar mata pelajaran itu dalam usaha membantu mereka meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa itu selain mengikuti kursus dari masa ke semasa.

“Tahun lalu, Kementerian melaksanakan pelbagai program untuk guru bahasa Inggeris bertujuan meningkatkan keyakinan

diri mereka agar lebih bersedia ketika mengajar selain memberi motivasi untuk lebih profesional dalam bidang masing-masing,” katanya.

Mengulas mengenai ICCELL 2013, Mary berkata, Kementerian mengalu-alukan lebih banyak program latihan seumpamanya bagi membolehkan guru bahasa Inggeris berkomunikasi dengan lebih tepat dan berkesan terutama dengan guru dalam kalangan penutur jati.